



Di sinilah Ahmad dan Azizah membesarkan kesemua anak mereka.

SINAR, 13/6/08, No 27.

'Anak-anak berjaya dalam pelajaran

KESEMUA 11 anak pasangan ini berjaya dalam pelajaran masing-masing. Nor Faezah, 24 kini sedang menuntut di Institut Pertanian di Pulau Pinang, Mohd. Fauzi, 23, di Universiti Teknologi Mara (UiTM), Melaka, Norhayati, 22, pelajar kolej, Norfarhana, 21 di Universiti Putra Malaysia (UPM), Firdaus, 20, di Politeknik Sultan Salahuddin di Shah Alam, dan Norhidayah, 17, di Maktab Rendah Sains Mara, (MRSM) Alor Gajah, Melaka.

Manakala Norhanisa, 15, masih menuntut di Sekolah Menengah Sri Kuang, Mohd. Faiz, 12, Norfateha, 11, Mohd Farid, 8 dan Mohd Adib Farhan, 7, di Sekolah Kebangsaan Kuang.

Ternyata segala penat lelah Ahmad dan Azizah berbalas apabila anak-anaknya menunjukkan pencapaian yang baik dalam pelajaran. Kata Azizah tiada rahsia yang diamalkan cuma dalam mendidik anak-anak, dia selalu berpesan bahawa hanya dengan pelajaran sahajalah nasib mereka sekeluarga mampu diubah.

"Saya selalu mengingatkan anak-anak bahawa pelajaran itu penting demi untuk masa depan mereka. Kalau berada di dalam

kelas, tumpukan perhatian sepenuhnya kepada pelajaran. Jaga solat dan ingat Allah selalu. Biar kita miskin harta, jangan kita miskin ilmu.

"Apa yang saya amalkan ialah setiap hari, saya akan baca al-Quran, baca surah Yasin dan ketika bersembahyang, saya selalu doakan anak-anak saya agar mereka berjaya dalam pelajaran masing-masing. Anak-anak pun tahu ibu dan ayah mereka orang susah sebab itulah mereka belajar bersungguh-sungguh untuk mengubah nasib keluarga.

"Alhamdulillah anak-anak saya mendengar kata dan mereka tidak pernah meminta-minta kerana tahu keadaan ibu bapa mereka. Mungkin tak sampai hati untuk meminta termasuklah minta duit beli buku. Mereka sanggup pinjam buku kawan atau membuat salinan buku yang diperlukan.

"Bagaimanapun saya kagum dengan anak-anak saya kerana mereka tabah melalui perjalanan hidup ini. Doa saya moga-moga anak-anak saya berjaya dalam pelajaran masing-masing," kata Azizah dengan perasaan terharu.

